



## PENDAFTARAN KONTRAKTOR UNTUK KERJA – KERJA TAHUN 2019

### SYARAT – SYARAT

#### 1. Borang pendaftaran

Syarikat yang ingin mendaftar boleh mendapatkan borang pendaftaran di pejabat Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Mersing seperti alamat di bawah :-

**JABATAN KEJURUTERAAN  
MAJLIS DAERAH MERSING  
NO 1, JALAN TUN DR. ISMAIL  
86800 MERSING, JOHOR  
NO. TEL: 07-7981818/1980**

atau muat turun borang melalui laman web rasmi Majlis Daerah Mersing.

<http://www.mdmersing.gov.my>

#### 2. Syarat Utama

Syarat utama pendaftaran sebagai kontraktor untuk kerja – kerja di Majlis Daerah Mersing ialah Syarikat / Perniagaan yang diperbadankan di Malaysia dan mestilah berdaftar dengan:

- 2.1.Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- 2.2.Kementerian Kewangan Malaysia
- 2.3.Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) gred kategori **G1,G2,G3 & G4**
- 2.3.Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera

#### 3. Maklumat dan dokumen syarikat/perniagaan

Syarikat yang ingin berdaftar perlu mengisi maklumat lengkap yang terkini dan melampirkan dokumen seperti berikut:

- 3.1.Maklumat SSM
  - 3.1.1. Syarikat Persendirian / Awam Berhad : Profail syarikat yang boleh dibeli secara online atau daripada pejabat SSM (6 muka surat)
  - 3.1.2. Syarikat Perusahaan (Enterprise) : Borang D – maklumat perniagaan dan pemilik (3 muka surat)
- 3.2.Salinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia : Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera
- 3.3.Salinan Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
- 3.4.Salinan Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera.
- 3.5.Salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Tenaga (sekiranya ada)
- 3.6.Penyata terbaru akaun bank. Nama pemegang akaun bank hendaklah sama dengan nama syarikat yang memohon

#### **4. Tempoh sahlaku sijil-sijil yang didaftarkan**

- 4.1 Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia/CIDB, Sijil Pengiktirafan Bumiputera dan Sijil Perniagaan (SSM) hendaklah tempoh sahlakunya sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh permohonan.
- 4.2 Syarikat yang ingin berdaftar dinasihatkan untuk mengemaskini data dengan Kementerian Kewangan Malaysia, CIDB dan Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera.
- 4.3 MDM berhak menolak permohonan sekiranya maklumat yang dimajukan bercanggah dengan maklumat/rekod Kementerian Kewangan Malaysia atau CIDB/ Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera .

#### **5. Peringatan**

Syarikat yang ingin mendaftar perlu menjamin dan memastikan bahawa semua data, maklumat dan dokumen sokongan yang dikemukakan semasa permohonan dibuat adalah benar. Memalsukan atau memberikan maklumat atau dokumen meragukan akan menyebabkan permohonan ditolak atau dalam kes di mana kelulusan telah diberikan, akan mengakibatkan pembatalan serta-merta. MDMG berhak mengambil tindakan sewajarnya kepada syarikat yang terlibat.

#### **6. Bayaran Pendaftaran**

Kontraktor yang ingin mendaftar perlu membuat bayaran sebanyak RM10.00 secara Tunai atau Wang Pos/Kiriman Wang/Bank Draf yang dibuat atas nama **Majlis Daerah Mersing (bayaran ini tidak akan dikembalikan)**.

#### **7. Tempoh Pendaftaran**

- 7.1 Pendaftaran kontraktor akan dibuka bermula pada **19 Februari 2019** dan akan tamat pada **21 Februari 2019**
- 7.2 Borang pendaftaran yang lengkap beserta dokumen sokongan hendaklah dihantar Kepada :-

**JABATAN KEJURUTERAAN  
MAJLIS DAERAH MERSING  
NO 1, JALAN TUN DR. ISMAIL  
86800 MERSING, JOHOR  
NO. TEL: 07-7981818/1980**